



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN,
BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2584800

Fax : 03-2535722

Tarikh : 7 Dis 2001

PEKELILING MAJIKAN BIL.22/2001

SKIM SUBSIDI LATIHAN BAGI MAJIKAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA

1 TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai keputusan pihak kerajaan untuk melanjutkan pelaksanaan Skim Subsidi Latihan Bagi Majikan Sektor Perkilangan dan Perkhidmatan Yang Mempunyai Pekerja Antara 10-49 orang dengan Modal Berbayar Kurang Daripada RM2.5juta bagi tempoh 5 tahun mulai 2 Ogos 2001.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Industri perkilangan adalah merupakan sektor yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Bagi memastikan syarikat-syarikat di bawah sektor ini mampu untuk terus berdaya saing, pembangunan sumber manusia telah diberi penekanan. Sehubungan dengan ini, pihak kerajaan telah berusaha untuk membantu pengusaha kecil di sektor perkilangan bagi melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja mereka. Harapan kerajaan mengadakan skim subsidi latihan ini adalah supaya lebih ramai lagi majikan kecil akan tampil ke hadapan untuk berdaftar di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) bagi membolehkan mereka melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka.
- 2.2 Pada tahun 1996, pihak kerajaan telah menyalurkan dana sejumlah RM20 juta kepada Majlis Pembangunan Sumber Manusia (kini dikenali sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad) untuk melaksanakan skim subsidi tersebut mulai 2 Ogos 1996 bagi tempoh lima (5) tahun. Tempoh tersebut telahpun tamat pada 1 Ogos 2001. Dibawah Skim Subsidi Latihan ini, kerajaan menyumbangkan sejumlah wang dengan nisbah 2:1, iaitu dua ringgit bagi setiap satu ringgit yang dicarum oleh pengusaha kecil. Nisbah ini akan dikaji semula selepas lima tahun.

3. PRESTASI PELAKSANAAN SKIM SUBSIDI LATIHAN

- 3.1 Sejak Skim Subsidi Latihan ini dilaksanakan Sehingga 30 Jun 2001, seramai 415 majikan daripada 25 jenis industri telah menerima kemudahan skim subsidi latihan tersebut. Prestasi pelaksanaan skim tersebut setakat ini adalah agak kurang memuaskan.

4 PELAKSANAAN SKIM SUBSIDI LATIHAN MENGIKUT PENDEKATAN YANG BARU

- 4.1 Disamping sektor perkilangan yang pernah diberi kemudahan di bawah Skim Subsidi Latihan tersebut, sektor perkhidmatan juga memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Oleh yang demikian, liputan subsidi latihan ini sewajarnya diperluaskan kepada semua majikan kecil yang mempunyai 10 hingga 49 orang pekerja dan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta di sektor perkhidmatan yang diliputi oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001. Sektor perkhidmatan ini meliputi Industri hotel, Pengangkutan Udara, Perniagaan Pengendalian Pelancongan, Telekomunikasi, Penghantar Angkutan, Perkapalan, Pos atau Kiriman Cepat, Pengiklanan Perkhidmatan Komputer, Tenaga, Penyedia Latihan dan Pendidikan Tinggi Swasta.
- 4.2 Pendekatan baru bagi pemberian subsidi latihan adalah berasaskan kepada RM2.00 subsidi latihan bagi setiap RM1.00 levi Pembangunan Sumber Manusia yang dibelanjakan untuk latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja. Rasional pendekatan baru ini bertujuan untuk memberi galakan yang lebih kepada majikan kecil yang aktif melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja mereka.

5. TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Peraturan pembayaran subsidi latihan bagi majikan perusahaan kecil ini berkuatkuasa pada 2 Ogos 2001 bagi tempoh 5 tahun iaitu sehingga 1 Ogos 2006.

Sekian, terima kasih.

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN "
"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"

Yang ikhlas,

(DATUK YAU DE PIYAU)

Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad